

Benih padi IS22 dibangun kerjasama tiga universiti

Kuala Lumpur: Penyelidikan teknologi benih padi, IS22, yang sedang dibangunkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dilaksanakan dengan kerjasama tiga universiti tempatan.

Nuklear Malaysia memaklumkan, tiga universiti itu adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), selain mendapat bantuan teknikal daripada Badan Tenaga Atom Antarabangsa serta Agensi Tenaga Atom Jepun.

"Pada masa sama, Nuklear Ma-

aysia menjalankan penyelidikan padi tahan kemarau menggunakan padi tradisional wangi hitam, yang diaruh mutasi menerusi alur ion khidma sinaran yang diperolehi daripada Quantum and Radiological Science and Technology (QST).

"Kajian ini mungkin mengambil masa beberapa tahun dan memerlukan dana penyelidikan sebelum satu varieti yang berpotensi dihasilkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Nuklear Malaysia berkata, seorang pegawai penyelidikannya membuat kajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) untuk mendapatkan padi yang rintang

kepada banjir menggunakan padi IS21, menerusi kaedah kacukan balik dengan varieti yang tahan banjir dan matang awal.

Semalam *BH* melaporkan MOSTI sudah memulakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan benih padi berkualiti tinggi dikenali IS22.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata penghasilan benih padi melalui teknologi nuklear itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang meminta supaya varieti padi baharu yang tidak rosak apabila ditenggelami banjir serta tidak banyak menggunakan air, dibangunkan.